

17 DEC 1998

Mahathir-Asean/I

MAHATHIR BERKATA SIDANG KEMUNCACK ASEAN LEBIH BAIK BERBANDING APEC

Oleh: Muin Abdul Majid

HANOI, 17 Dis (Bernama) -- Sambil menyifatkan sidang kemuncak Asean yang baru berakhir sebagai lebih baik daripada mesyuarat Apec, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau amat berpuashati dengan hasil sidang kemuncak Hanoi yang membincangkan perkara-perkara positif dan praktikal serta boleh dilaksanakan oleh semua pihak.

"Ia lebih baik daripada mesyuarat Apec dari segi membuat keputusan dan kemungkinan susulannya," katanya pada satu sidang berita sebelum meninggalkan ibu negara Vietnam ini selepas menghadiri sidang kemuncak Asean selama dua hari yang berakhir semalam.

Malaysia menjadi tuan rumah mesyuarat Apec di Kuala Lumpur bulan lepas.

Semasa ditanya sama ada semua langkah yang diambil pada sidang kemuncak itu mencukupi untuk membawa keluar rantau ini daripada masalah ekonomi, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sama ada ia mencukupi tetapi banyak kemajuan telah dicapai.

"Dan pastinya terdapat idea-idea baru yang boleh dilaksanakan yang telah dicadangkan dan kami berpendapat mulai sekarang Asean akan melalui masa yang begitu sibuk," katanya.

Dr Mahathir juga berkata tiga rakan dialog Asean - China, Korea Selatan dan Jepun - dilihat berpendirian bahawa harus ada kerjasama yang lebih erat di antara Timur Laut Asia dan Asia Tenggara.

Ketiga-tiga negara menghadiri sidang kemuncak itu untuk mengadakan mesyuarat dengan para pemimpin Asean.

Semasa ditanya kenapa mesyuarat antara Asean dan ketiga-tiga rakan dialog nya tidak dinamakan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), beliau berkata: "anda boleh menamakannya apa sahaja tetapi apa yang penting ialah kami telah berkumpul bersama."

Kedua-dua pihak juga percaya mereka harus mengadakan pertemuan lebih tetap melibatkan semua peringkat seperti pegawai-pegawai kanan, intelektual, pakar-pakar dan menteri-menteri, katanya.

-- BERNAMA

MAM RON